

TAJUK	POLISI PERCANGGAHAN KEPENTINGAN
DISEDIAKAN OLEH	Eksekutif Kanan Sektor Undang-undang, Kesetiausahaian & Integriti
DISEMAK OLEH	Timbalan Presiden Sektor Undang-undang, Kesetiausahaian & Integriti
DISAHKAN OLEH	Pengerusi Jawatankuasa Audit Dalam & Integriti

ISI KANDUNGAN		
PERENGGAN	PERKARA	MUKA SURAT
1.0	PENGENALAN	3
2.0	SKOP	3
3.0	BAHAN RUJUKAN	3
4.0	DEFINISI	4-5
5.0	PERNYATAAN POLISI	5
6.0	SITUASI PERCANGGAHAN KEPENTINGAN	5-9
7.0	PENGURUSAN PERCANGGAHAN KEPENTINGAN	9
8.0	PEMATUHAN	10
9.0	SEMAKAN POLISI DAN PROSEDUR	10
10.0	TARIKH KUATKUASA	10
11.0	LAMPIRAN	11



POLISI PERCANGGAHAN KEPENTINGAN

Dok. No. : PDT/LSI/INT/08/05

Isu No. : Versi 2.0
Tarikh Efektif : 01.01.2022
M/S : 2 / 11

MAKLUMAT PINDAAN DOKUMEN

1.0 PENGENALAN

Polisi ini dirangka sebagai satu usaha untuk memastikan integriti Syarikat sentiasa dipelihara. Ianya juga sebagai satu panduan bagi memastikan kakitangan Syarikat dapat menjalankan tugas dan tanggungjawab secara objektif dan telus.

2.0 SKOP

- 2.1 Polisi ini terpakai ke atas setiap kakitangan Syarikat (sama ada tetap, kontrak atau sementara) tanpa ada sebarang pengecualian.
- 2.2 Polisi ini juga turut terpakai ke atas pengarah Syarikat, konsultan, kontraktor, pelajar latihan industri, kakitangan pinjaman, kakitangan kontrak untuk perkhidmatan, rakan niaga, pemegang taruh, ejen atau mana-mana pihak yang dilantik oleh Syarikat dan pihak-pihak lain yang berurusan dengan Syarikat.

3.0 BAHAN RUJUKAN

Arkib Dokumen	Tajuk Dokumen
www.agc.gov.my (Laws of Malaysia)	Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 & pindaan serta peraturan yang terpakai ke atasnya
www.agc.gov.my (Laws of Malaysia)	Akta Tafsiran 1948 dan 1967 & pindaan serta peraturan yang terpakai ke atasnya
www.agc.gov.my (Laws of Malaysia)	Akta Syarikat 2016 & pindaan serta peraturan yang terpakai ke atasnya
Perlembagaan Syarikat	'Memorandum & Articles of Association' Syarikat
Polisi Syarikat	Kod Etika dan Tatalaku

4.0 DEFINISI

TERMA	DEFINISI
Anggota Keluarga	<p>: a) Isteri atau suami orang itu; b) Adik atau abang atau kakak orang itu; c) Adik atau abang atau kakak isteri atau suami orang itu; d) Orang yang mempunyai pertalian nasab langsung ke atas atau ke bawah orang itu ; e) Orang yang mempunyai pertalian nasab langsung ke atas atau ke bawah dengan isteri atau suami orang itu; f) Orang yang mempunyai pertalian nasab langsung ke bawah dengan orang yang disebut dalam perenggan 'b'; g) Bapa saudara, emak saudara atau sepupu orang itu; h) Menantu orang itu.</p>
Kakitangan	: Kakitangan Permodalan Darul Ta'zim Sdn Bhd dan anak syarikat milik Permodalan Darul Ta'zim Sdn Bhd.
Ketua Integriti	: Timbalan Presiden Undang-undang, Kesetiausahaans & Integriti (TPLSI) semasa atau mana-mana pegawai yang telah diturunkan kuasa oleh TPLSI secara bertulis. Ketua Integriti mempunyai tanggungjawab untuk melapor secara terus kepada Jawatankuasa Audit & Integriti berkenaan perihal berkaitan integriti.
Kepentingan Benefisiari	: Hak untuk menerima manfaat ekonomi daripada pemilikan aset bukan di sisi undang-undang (legal owner) (contohnya : kelayakan penerimaan pendapat hasil pegangan saham oleh nomini).
Material	: Memiliki pegangan ekuiti 5% atau lebih
Percanggahan Kepentingan	: Suatu percanggahan kepentingan timbul apabila kegiatan atau perhubungan peribadi seseorang

		Pengarah atau Kakitangan mengganggu keobjektifan mereka dalam melakukan sesuatu untuk kepentingan Syarikat. Percanggahan kepentingan, sama ada yang nyata, berkemungkinan mahupun yang dilihat pada pandangan kasar, boleh mendatangkan akibat yang serius terhadap pengarah, Kakitangan dan Syarikat. Percanggahan kepentingan boleh timbul dalam situasi secara langsung atau tidak langsung.
Polisi	:	Polisi Percanggahan Kepentingan
Syarikat	:	Permodalan Darul Ta'zim Sdn Bhd dan anak syarikat milik Permodalan Darul Ta'zim Sdn Bhd.

5.0 PERNYATAAN POLISI

Syarikat sentiasa berusaha menerapkan serta memperkuuhkan nilai-nilai integriti, akauntabiliti dan profesionalisme dalam semua urusan rasmi. Atas dasar tersebut, Syarikat komited dalam memastikan segala urusan yang dikendalikan oleh Kakitangan bebas daripada percanggahan kepentingan.

6.0 SITUASI PERCANGGAHAN KEPENTINGAN

a) Pemilikan Ekuiti dalam Entiti yang Mempunyai Hubungan Perniagaan dengan Syarikat

Perkara ini melibatkan keadaan dimana kakitangan atau pengarah Syarikat memegang ekuiti dalam mana-mana entiti lain yang mempunyai hubungan perniagaan dengan Syarikat yang boleh menjelaskan / dilihat boleh menjelaskan atau berpotensi untuk menjelaskan pertimbangan seseorang kakitangan atau pengarah dalam membuat keputusan untuk Syarikat.

Contoh:

Syarikat XYZ mempunyai tanggungjawab kontrak untuk membekalkan air kepada Syarikat B. Ketua Pegawai Kewangan di Syarikat XYZ memegang saham Material sebanyak 10% dalam Syarikat B. Ini adalah percanggahan kepentingan.

b) Pengarah, Rakan Kongsi atau Mana-mana Kepentingan Benefisiari di Mana-mana Entiti yang Mempunyai Hubungan Perniagaan dengan Syarikat

Perkara ini melibatkan keadaan dimana kakitangan atau pengarah memegang apa-apa jawatan atau mempunyai kepentingan benefisiari dalam mana-mana entiti yang mempunyai hubungan perniagaan bersama Syarikat.

Contoh:

Seorang kakitangan Syarikat XYZ merupakan salah seorang pengarah dalam Syarikat B. Syarikat B telah dilantik sebagai salah satu pembekal alat tulis kepada Syarikat XYZ. Ini adalah percanggahan kepentingan.

c) Hubungan Peribadi

Percanggahan kepentingan boleh berlaku sekiranya mana-mana Anggota Keluarga Kakitangan mempunyai hubungan pelaporan ('reporting relationship') kepada Kakitangan. Mana-mana kakitangan tidak boleh berada dalam satu jabatan / sektor yang sama dengan Anggota Keluarganya, tidak boleh menyelia secara langsung atau tidak langsung, atau berada dalam kedudukan yang boleh mempengaruhi keputusan untuk pengambilan kerja atau penilaian Anggota Keluarga tersebut.

Percanggahan kepentingan turut boleh berlaku sekiranya pengarah atau kakitangan yang mempunyai Anggota Keluarga yang ada kepentingan dalam entiti yang berurus niaga dengan Syarikat.

Hal ini turut boleh berlaku apabila terdapat hubungan peribadi dengan lain-lain pengarah atau Kakitangan Syarikat yang mana hubungan tersebut boleh menyebabkan salah seorang daripada mereka menerima atau memberi kelebihan yang tidak adil, atau layanan utama disebabkan oleh hubungan itu

Contoh:

- i. *Hubungan percintaan di antara kakitangan dan ketua dalam jabatan yang sama.*
- ii. *Suami kepada kakitangan Syarikat XYZ merupakan salah seorang kakitangan di syarikat konsultan yang dilantik oleh Syarikat XYZ.*

d) Urus Niaga bersama Pesaing

Percanggahan kepentingan boleh berlaku apabila pengarah atau Kakitangan Syarikat mempunyai penglibatan / kepentingan kewangan bersama pesaing Syarikat.

Contoh:

Syarikat XYZ dan Syarikat B merupakan pesaing perniagaan dalam bidang penciptaan teknologi plastik. Ketika masih dalam memegang jawatan dalam Syarikat XYZ, Siti telah menerima penjawatan dalam Syarikat B sebagai konsultan separuh masa. Ini merupakan satu percanggahan kepentingan.

e) Penglibatan dalam mana-mana aktiviti/perbincangan yang melibatkan Kakitangan tertentu

Berlaku dalam keadaan apabila pengarah atau kakitangan tersebut terlibat dalam satu perbincangan yang membincangkan keputusan yang diambil ke atas pengarah atau kakitangan tersebut.

Contoh:

Seorang kakitangan Jabatan Sumber Manusia terlibat dalam pertuduhan kesalahan gangguan seksual. Kakitangan ini juga merupakan salah seorang panel dalam Jawatankuasa Kesalahan Tatalaku. Keadaan ini menimbulkan percanggahan kepentingan.

f) Guna pakai maklumat sulit Syarikat bagi tujuan kepentingan peribadi

Perkara ini berlaku apabila pengarah atau kakitangan mengguna pakai maklumat sulit syarikat bagi manfaat peribadi dan/atau Anggota Keluarga.

Contoh:

Seorang Eksekutif di Jabatan Korporat mempunyai akses ke atas maklumat berkenaan sebutharga untuk tender bagi Projek ABC di PDT. Eksekutif tersebut kemudiannya telah membocorkan maklumat tersebut kepada isterinya dengan tujuan agar syarikat isterinya boleh membida bagi Projek ABC dengan harga yang lebih rendah.

Ini merupakan suatu perbuatan percanggahan kepentingan dan salah disisi undang-undang. Eksekutif tersebut juga telah melanggar peruntukan dalam Perjanjian Kerahsiaan di antara beliau dan Syarikat.

g) Penerimaan Hadiah / Keraian

Penerimaan hadiah atau keraian boleh menjaskan pertimbangan Kakitangan atau pengarah. Justeru, perkara ini hendaklah dirujuk kepada Polisi Pemberian dan Penerimaan Hadiah Syarikat.

7.0 PENGURUSAN PERCANGGAHAN KEPENTINGAN

- a) Setiap percanggahan kepentingan mestilah diisyiharkan kepada Ketua Integriti melalui Borang di **Lampiran I** untuk tindakan lanjut. Pengisyiharaan hendaklah dibuat sebaik sahaja percanggahan kepentingan berlaku, mungkin berlaku atau dilihat berlaku.
- b) Langkah-langkah munasabah perlulah diambil bagi mengurangkan impak percanggahan kepentingan dan diuruskan mengikut keadaan.
- c) Setelah penilaian dibuat, perkara-perkara berikut boleh dipertimbangkan oleh Ketua Integriti untuk dicadangkan kepada Jawatankuasa Audit & Integriti:-
 - i. Pengarah / Kakitangan tersebut disekat daripada menyertai mana-mana perbincangan / proses membuat keputusan bagi perkara tersebut;
 - ii. Pengarah tersebut dikecualikan daripada menngundi dalam mesyuarat Lembaga Pengarah berkenaan perkara tersebut;
 - iii. Pengarah / kakitangan tidak boleh mendapat akses kepada maklumat berkaitan;
 - iv. Pindaan terhadap skop kerja Kakitangan tersebut; dan / atau
 - v. Memindahkan / meminjamkan kakitangan tersebut kepada jabatan / sektor lain.

8.0 PEMATUHAN

- 8.1 Kegagalan untuk mendedahkan sebarang percanggahan kepentingan atau gagal mematuhi Polisi ini merupakan satu Kelakuan Tidak Wajar dan boleh menyebabkan tindakan disiplin dikenakan ke atas pihak yang ingkar.

9.0 SEMAKAN POLISI DAN PROSEDUR

- 9.1 Jabatan Integriti bertanggungjawab membuat tafsiran, pentadbiran, semakan dan permohonan terhadap Polisi ini. Polisi ini akan disemak semula mengikut keperluan semasa dan undang-undang dari semasa ke semasa.
- 9.2 Sebarang pindaan terhadap Polisi ini akan menjadi efektif sebaik sahaja ianya diluluskan oleh Jawatankuasa Audit & Integriti dan diedarkan kepada kakitangan Syarikat.
- 9.3 Sekiranya terdapat percanggahan terma dalam Polisi ini, Terma dan Syarat Syarikat serta Kod Etika dan Tatalaku Syarikat berkenaan skop yang dinyatakan dalam Polisi ini, terma dalam Polisi ini akan kekal ('prevail').

10.0 TARIKH KUATKUASA

Polisi ini akan berkuatkuasa pada 1hb Januari 2022.



**POLISI PERCANGGAHAN
KEPENTINGAN**

Dok. No. : PDT/LSI/INT/08/05

Isu No. : Versi 2.0

Tarikh Efektif : 01.01.2022

M/S : 11 / 11

11.0 LAMPIRAN

BORANG DEKLARASI KEPENTINGAN AM
(AHLI MESYUARAT LEMBAGA PENGARAH / KETUA ORGANISASI)

- Borang Deklarasi Kepentingan Am (Ahli Mesyuarat Lembaga Pengarah / Ketua Organisasi) (Borang Jabatan Integriti Kod 005) ini merupakan komponen di dalam Polisi Percanggahan Kepentingan.
 - Ahli Mesyuarat Lembaga Pengarah / Ketua Eksekutif / Ketua Pegawai Eksekutif adalah diwajibkan untuk mengisyitiharkan sebarang percanggahan kepentingan bagi memastikan nilai-nilai integriti, akauntabiliti dan profesionalisme diamalkan di peringkat Kumpulan PDT.
-

Kepada: **Pengerusi Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah
Permodalan Darul Ta'zim Sdn Bhd ('PDT') atau Kumpulan PDT**

Saya _____ No. Kad Pengenalan: _____
dengan ini mengisyitiharkan bahwasanya:

Saya, anggota keluarga dan/atau tanggungan saya **TIDAK MEMPUNYAI** kepentingan kewangan atau kepentingan peribadi yang lainnya, langsung atau tidak langsung, dalam apa jua perkara yang menimbulkan atau boleh menimbulkan percanggahan dengan tugas-tugas saya sebagai Ahli Mesyuarat Lembaga Pengarah / Ketua Organisasi.

Saya, anggota keluarga dan/atau tanggungan saya **SESUNGGUHNYA MEMPUNYAI** kepentingan kewangan atau kepentingan peribadi yang lainnya, langsung atau tidak langsung, dalam perkara tertentu yang menimbulkan atau boleh menimbulkan percanggahan dengan tugas-tugas saya sebagai Ahli Mesyuarat Lembaga Pengarah / Ketua Organisasi. Butir-butir perkara berkenaan dinyatakan di bawah ini:-

1. Syarikat / Organisasi yang terbabit:

2. Hubungannya dengan PDT atau Kumpulan PDT:

3. Jawatan / pegangan saham saya/anggota keluarga/tanggungan di dalam syarikat/organisasi terbabit:

BIL.	NAMA	HUBUNGAN KELUARGA	NAMA SYARIKAT	JAWATAN
1.				
2.				

3.				
----	--	--	--	--

BIL.	NAMA	HUBUNGAN KELUARGA	NAMA SYARIKAT	PEGANGAN SAHAM (%)
1.				
2.				
3.				

4. Kepentingan kewangan yang terbabit (sila nyatakan dengan khusus jenis dan nilai):

5. Lain-lain kepentingan yang berkaitan dengan syarikat terbabit (sila nyatakan jenis, sifat dan takat kepentingan):

Dengan ini saya dengan sesungguhnya berikrar dan bersumpah bahawa maklumat yang diberikan di atas adalah **benar** dan **lengkap**.

Saya mengakui bahawa saya akan membuat Satu (1) deklarasi tambahan untuk menyatakan sebarang **perubahan dalam apa-apa perkara** yang terkandung di dalam deklarasi ini dalam masa Satu (1) bulan selepas berlaku perubahan tersebut dan akan menyediakan maklumat lanjut mengenai butir-butir yang terkandung di dalam deklarasi ini jika dikehendaki berbuat demikian oleh Pengerusi Mesyuarat Lembaga Pengarah. Saya juga akan membuat deklarasi tambahan kepada Pengerusi Mesyuarat Lembaga Pengarah apabila wujud potensi berlakunya **percanggahan kepentingan** yang timbul semasa saya melaksanakan tugas rasmi saya sebagai Ahli Mesyuarat Lembaga Pengarah / Ketua Organisasi.

Saya juga faham bahawa jika saya dibuktikan telah mengemukakan maklumat palsu, dengan sengaja atau tidak sengaja, saya akan dikenakan hukuman sebagaimana yang ditentukan oleh PDT atau Kumpulan PDT mengikut budi bicara mutlaknya setakat yang dibenarkan oleh undang-undang.

ADALAH DIAKUI BAHAWA SAYA, SEPERTIMANA BUTIRAN ADALAH DENGAN SUCI HATI MENYATAKAN PENGISYITIHARAAN SEPERTIMANA DI ATAS DAN KESEMUA BUTIRAN YANG DISALURKAN DI DALAM BORANG INI ADALAH BENAR.

NAMA PENUH:

JAWATAN:

TARIKH:

BORANG DEKLARASI KEPENTINGAN AM

(PENGERUSI MESYUARAT LEMBAGA PENGARAH)

- Borang Deklarasi Kepentingan (Pengerusi Mesyuarat Lembaga Pengarah) (Borang Jabatan Integriti Kod 006) ini merupakan komponen di dalam Polisi Percanggahan Kepentingan.
 - Pengerusi Mesyuarat Lembaga Pengarah adalah diwajibkan untuk mengisyitiharkan sebarang percanggahan kepentingan bagi memastikan nilai-nilai integriti, akauntabiliti dan profesionalisme diamalkan di peringkat Kumpulan PDT.
-

Kepada: **Ahli-ahli Mesyuarat Lembaga Pengarah
Permodalan Darul Ta'zim Sdn Bhd ('PDT') atau Kumpulan PDT**

Saya _____ No. Kad Pengenalan: _____
dengan ini mengisyitiharkan bahawasanya:

Saya, anggota keluarga dan/atau tanggungan saya **TIDAK MEMPUNYAI** kepentingan kewangan atau kepentingan peribadi yang lainnya, langsung atau tidak langsung, dalam apa jua perkara yang menimbulkan atau boleh menimbulkan percanggahan dengan tugas-tugas saya sebagai Pengerusi Mesyuarat Lembaga Pengarah.

Saya, anggota keluarga dan/atau tanggungan saya **SESUNGGUHNYA MEMPUNYAI** kepentingan kewangan atau kepentingan peribadi yang lainnya, langsung atau tidak langsung, dalam perkara tertentu yang menimbulkan atau boleh menimbulkan percanggahan dengan tugas-tugas saya sebagai Pengerusi Mesyuarat Lembaga Pengarah.
Butir-butir perkara berkenaan dinyatakan di bawah ini:-

1. Syarikat / Organisasi yang terbabit:

2. Hubungannya dengan PDT atau Kumpulan PDT:

3. Jawatan / pegangan saham saya/anggota keluarga/tanggungan di dalam syarikat/organisasi terbabit:

BIL.	NAMA	HUBUNGAN KELUARGA	NAMA SYARIKAT	JAWATAN
1.				
2.				

3.				
----	--	--	--	--

BIL.	NAMA	HUBUNGAN KELUARGA	NAMA SYARIKAT	PEGANGAN SAHAM (%)
1.				
2.				
3.				

4. Kepentingan kewangan yang terbabit (sila nyatakan dengan khusus jenis dan nilai):

5. Lain-lain kepentingan yang berkaitan dengan syarikat terbabit (sila nyatakan jenis, sifat dan takat kepentingan):

Dengan ini saya dengan sesungguhnya berikrar dan bersumpah bahawa maklumat yang diberikan di atas adalah **benar** dan **lengkap**.

Saya mengakui bahawa saya akan membuat Satu (1) deklarasi tambahan untuk menyatakan sebarang **perubahan dalam apa-apa perkara** yang terkandung di dalam deklarasi ini dalam masa Satu (1) bulan selepas berlaku perubahan tersebut dan akan menyediakan maklumat lanjut mengenai butir-butir yang terkandung di dalam deklarasi ini jika dikehendaki berbuat demikian oleh Ahli-ahli Mesyuarat Lembaga Pengarah. Saya juga akan membuat deklarasi tambahan kepada Ahli-ahli Mesyuarat Lembaga Pengarah apabila wujud potensi berlakunya **percanggahan kepentingan** yang timbul semasa saya melaksanakan tugas rasmi saya sebagai Pengerusi Mesyuarat Lembaga Pengarah.

Saya juga faham bahawa jika saya dibuktikan telah mengemukakan maklumat palsu, dengan sengaja atau tidak sengaja, saya akan dikenakan hukuman sebagaimana yang ditentukan oleh PDT atau Kumpulan PDT mengikut budi bicara mutlaknya setakat yang dibenarkan oleh undang-undang.

ADALAH DIAKUI BAHAWA SAYA, SEPERTIMANA BUTIRAN ADALAH DENGAN SUCI HATI MENYATAKAN PENGISYITIHARAAN SEPERTIMANA DI ATAS DAN KESEMUA BUTIRAN YANG DISALURKAN DI DALAM BORANG INI ADALAH BENAR.

NAMA PENUH:

JAWATAN:

TARIKH:

BORANG DEKLARASI KEPENTINGAN AM

(AHLI PENGURUSAN TERTINGGI / KAKITANGAN)

- Borang Deklarasi Kepentingan (Ahli Pengurusan Tertinggi / Kakitangan) (Borang Jabatan Integriti Kod 007) ini merupakan komponen di dalam Polisi Percanggahan Kepentingan.
 - Ahli Pengurusan Tertinggi / Kakitangan Kumpulan PDT adalah diwajibkan untuk mengisyitiharkan sebarang percanggahan kepentingan bagi memastikan nilai-nilai integriti, akauntabiliti dan profesionalisme diamalkan di peringkat Kumpulan PDT.
-

Kepada: **Ketua Eksekutif / Ketua Pegawai Eksekutif
Permodalan Darul Ta'zim Sdn Bhd ('PDT') atau Kumpulan PDT**

Saya _____ No. Kad Pengenalan: _____
dengan ini mengisyitiharkan bahawasanya:

Saya, anggota keluarga dan/atau tanggungan saya **TIDAK MEMPUNYAI** kepentingan kewangan atau kepentingan peribadi yang lainnya, langsung atau tidak langsung, dalam apa jua perkara yang menimbulkan atau boleh menimbulkan percanggahan dengan tugas-tugas saya sebagai Ahli Pengurusan Tertinggi / Kakitangan Kumpulan PDT.

Saya, anggota keluarga dan/atau tanggungan saya **SESUNGGUHNYA MEMPUNYAI** kepentingan kewangan atau kepentingan peribadi yang lainnya, langsung atau tidak langsung, dalam perkara tertentu yang menimbulkan atau boleh menimbulkan percanggahan dengan tugas-tugas saya sebagai Ahli Pengurusan Tertinggi / Kakitangan Kumpulan PDT. Butir-butir perkara berkenaan dinyatakan di bawah ini:-

1. Syarikat / Organisasi yang terbabit:

2. Hubungannya dengan PDT atau Kumpulan PDT:

3. Jawatan / pegangan saham saya/anggota keluarga/tanggungan di dalam syarikat/organisasi terbabit:

BIL.	NAMA	HUBUNGAN KELUARGA	NAMA SYARIKAT	JAWATAN
1.				
2.				

3.				
----	--	--	--	--

BIL.	NAMA	HUBUNGAN KELUARGA	NAMA SYARIKAT	PEGANGAN SAHAM (%)
1.				
2.				
3.				

4. Kepentingan kewangan yang terbabit (sila nyatakan dengan khusus jenis dan nilai):

5. Lain-lain kepentingan yang berkaitan dengan syarikat terbabit (sila nyatakan jenis, sifat dan takat kepentingan):

Dengan ini saya dengan sesungguhnya berikrar dan bersumpah bahawa maklumat yang diberikan di atas adalah **benar** dan **lengkap**.

Saya mengakui bahawa saya akan membuat Satu (1) deklarasi tambahan untuk menyatakan sebarang **perubahan dalam apa-apa perkara** yang terkandung di dalam deklarasi ini dalam masa Satu (1) bulan selepas berlaku perubahan tersebut dan akan menyediakan maklumat lanjut mengenai butir-butir yang terkandung di dalam deklarasi ini jika dikehendaki berbuat demikian oleh Ketua Eksekutif / Ketua Pegawai Eksekutif. Saya juga akan membuat deklarasi tambahan kepada Ketua Eksekutif / Ketua Pegawai Eksekutif apabila wujud potensi berlakunya **percanggahan kepentingan** yang timbul semasa saya melaksanakan tugas rasmi saya sebagai Ahli Pengurusan Tertinggi / Kakitangan Kumpulan PDT.

Saya juga faham bahawa jika saya dibuktikan telah mengemukakan maklumat palsu, dengan sengaja atau tidak sengaja, saya akan dikenakan hukuman sebagaimana yang ditentukan oleh PDT atau Kumpulan PDT mengikut budi bicara mutlaknya setakat yang dibenarkan oleh undang-undang.

ADALAH DIAKUI BAHAWA SAYA, SEPERTIMANA BUTIRAN ADALAH DENGAN SUCI HATI MENYATAKAN PENGISYITIHARAAN SEPERTIMANA DI ATAS DAN KESEMUA BUTIRAN YANG DISALURKAN DI DALAM BORANG INI ADALAH BENAR.

NAMA PENUH:

JAWATAN:

TARIKH:

BORANG DEKLARASI KEPENTINGAN DI BAWAH SEKSYEN 221 AKTA SYARIKAT 2016
BERKENAAN HARTA, JAWATAN, KONTRAK DAN/ATAU KONTRAK YANG DICADANGKAN

- Borang Deklarasi Kepentingan di bawah Seksyen 221 Akta Syarikat 2016 (Borang Jabatan Integriti Kod 008) ini merupakan komponen di dalam Polisi Percanggahan Kepentingan.
- Ahli Lembaga Pengarah Kumpulan PDT adalah diwajibkan untuk mengisyitiharkan sebarang percanggahan kepentingan bagi memastikan nilai-nilai integriti, akauntabiliti dan profesionalisme diamalkan di peringkat Kumpulan PDT.

Kepada: **Ahli Mesyuarat Lembaga Pengarah dan Setiausaha Syarikat
Permodalan Darul Ta'zim Sdn Bhd ('PDT') atau Kumpulan PDT**

Selari dengan peruntukan di bawah Seksyen 221 Akta Syarikat,
saya _____ No. Kad Pengenalan: _____
dengan ini mengisyitiharkan bahwasanya:

Saya, anggota keluarga dan/atau tanggungan saya **TIDAK MEMPUNYAI** kepentingan kewangan atau kepentingan peribadi yang lainnya, langsung atau tidak langsung, **termasuk tetapi tidak terhad kepada perkara berkenaan** harta, jawatan, kontrak dan/atau kontrak yang dicadangkan dengan suatu syarikat yang diusulkan di dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah ini.

Saya, anggota keluarga dan/atau tanggungan saya **SESUNGGUHNYA MEMPUNYAI** kepentingan kewangan atau kepentingan peribadi yang lainnya, langsung atau tidak langsung, **termasuk tetapi tidak terhad kepada perkara berkenaan** harta, jawatan, kontrak dan/atau kontrak yang dicadangkan dengan suatu syarikat yang diusulkan di dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah ini. Butir-butir perkara berkenaan dinyatakan di bawah ini:-

1. Syarikat / Organisasi yang terbabit:

2. Hubungannya dengan PDT atau Kumpulan PDT:

3. Jawatan / pegangan saham saya/anggota keluarga/tanggungan di dalam syarikat/organisasi terbabit:

BIL.	NAMA	HUBUNGAN KELUARGA	NAMA SYARIKAT	JAWATAN
1.				

2.				
3.				

BIL.	NAMA	HUBUNGAN KELUARGA	NAMA SYARIKAT	PEGANGAN SAHAM (%)
1.				
2.				
3.				

4. Kepentingan kewangan yang terbabit (sila nyatakan dengan khusus jenis dan nilai):
-

5. Lain-lain kepentingan yang berkaitan dengan syarikat terbabit (sila nyatakan jenis, sifat dan takat kepentingan):
-

Dengan ini saya dengan sesungguhnya berikrar dan bersumpah bahawa maklumat yang diberikan di atas adalah **benar** dan **lengkap**.

Saya bersetuju untuk **tidak mengambil bahagian dalam apa-apa perbincangan** berkenaan harta, jawatan, kontrak dan/atau kontrak yang dicadangkan dengan syarikat yang diusulkan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah ini serta **mengecualikan diri daripada mengundi** berkenaan agenda tersebut

Saya mengakui bahawa saya akan membuat Satu (1) deklarasi tambahan untuk menyatakan sebarang **perubahan dalam apa-apa perkara** yang terkandung di dalam deklarasi ini dalam masa Satu (1) bulan selepas berlaku perubahan tersebut dan akan menyediakan maklumat lanjut mengenai butir-butir yang terkandung di dalam deklarasi ini jika dikehendaki berbuat demikian. Saya juga akan membuat deklarasi tambahan apabila wujud potensi berlakunya **percanggahan kepentingan** yang timbul semasa saya melaksanakan tugas rasmi saya sebagai Ahli Mesyuarat Lembaga Pengarah.

Saya faham bahawa kegagalan saya sebagai salah seorang Ahli Lembaga Pengarah dalam mematuhi peruntukan di bawah Seksyen 221 Akta Syarikat 2016 adalah satu kesalahan dan boleh apabila disabitkan, **dipenjara selama tempoh tidak melebihi Lima (5) tahun ATAU didenda tidak melebihi RM 3,000,000-00 ATAU kedua-duanya sekali.**

Saya juga faham bahawa jika saya dibuktikan telah mengemukakan maklumat palsu, dengan sengaja atau tidak sengaja, saya akan dikenakan hukuman sebagaimana yang ditentukan oleh PDT atau Kumpulan PDT mengikut budi bicara mutlaknya setakat yang dibenarkan oleh undang-undang.

ADALAH DIAKUI BAHAWA SAYA, SEPERTIMANA BUTIRAN ADALAH DENGAN SUCI HATI
MENYATAKAN PENGISYITIHARAAN SEPERTIMANA DI ATAS DAN KESEMUA BUTIRAN YANG
DISALURKAN DI DALAM BORANGINI ADALAH BENAR.

NAMA PENUH:

JAWATAN:

TARIKH: